



TEAM UP TO BUILD UP

HOME

BULETIN JABATAN PERUMAHAN NEGARA 2019





E-CREW BULETIN JABATAN PERUMAHAN NEGARA 2019

PENASIHAT

Tuan N. Jayaselan
Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara

SIDANG EDITOR

Muhammad Ridha Abdul Wahab
Syed Mohd Zhubir bin Syid Zin
Mohd Azmawi bin Omar
DK. Kadariah Haszlina binti PG. Abd Kadir
Noor Syafiza binti Ahmad Sohaimi
Shazwi bin Sa'adin

SIDANG PENGARANG

Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta
Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai
Bahagian Pengurusan Perumahan
Bahagian Perancangan Perumahan
Bahagian Penguatkuasaan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Teknologi Maklumat
Bahagian Akaun & Bayaran
Bahagian Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)
Unit Korporat
Unit Integriti

JURUFOTO

Unit Korporat JPN & Unit Komunikasi Korporat, KPKT

PENERBIT

Unit Korporat, JPN

Artikel yang disiarkan dalam Buletin Jabatan Perumahan Negara tidak semestinya mencerminkan pendapat E.Crew (Sidang Redaksi) tetapi lebih merupakan pendapat penulis

Penafian:

Semua bahan yang diterbitkan dalam Buletin Jabatan Perumahan Negara (HOME) 2019 ini merupakan hak cipta terpelihara. Sebarang bentuk penerbitan semula sama ada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis daripada E.Crew. Walaupun ketepatan fakta dipatuhi semasa pengumpulan maklumat, pihak E.Crew tidak bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan yang timbul akibat kesilapan yang tidak dimaksudkan.

KANDUNGAN

⇒ E-CREW BULETINJPN 2019	m/s 1
⇒ KANDUNGAN	m/s 2
⇒ WACANA KETUA PENGARAH JPN	m/s 3
⇒ LAWATAN YBM KPKT KE TAPAK CADANGAN PPAM BATU MAUNG BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	m/s 4
⇒ LAWATAN KSU KPKT KE PPAM PUNCAK GLOXINIA KINARUT, SABAH	m/s 5
⇒ LAWATAN KSU KPKT KE PPAM PUDINA, PUTRAJAYA	m/s 6
⇒ MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA (MPMMN)	m/s 8
⇒ MAJLIS PELANCARAN DASAR PERUMAHAN NEGARA (DRN) 2018-2025	m/s 9
⇒ PELANCARAN DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA (DRMM) DAN STANDARD PERUMAHAN KEBANGSAAN (CIS 26)	m/s 10
⇒ BENGKEL PENGGUNAAN PORTAL SHAREPOINT & BENGKEL TRAINING OF TRAINER (TOT) PENGGUNAAN KALENDAR DALAM MyGOVUC	m/s 12
⇒ MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN RUMAH TRANSIT BELIA	m/s 13
⇒ LAWATAN PENILAIAN TAPAK CADANGAN PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)	m/s 14
⇒ MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) RANTAU, NEGERI SEMBILAN	m/s 15
⇒ MAJLIS PENYERAHAN PPR UDA UTAMA, JOHOR	m/s 19
⇒ MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN & PERASMIAN PEJABAT SEKRETARIAT MUAFAKAT KOMUNITI PPR KOTA BHARU..	m/s 20
⇒ HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC) 2019	m/s 23
⇒ KEMPEN PEMILIKAN RUMAH MAMPU MILIK HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 300)	m/s 24
⇒ SESI PERJUMPAAN BERSAMA PARA PEMBELI PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGKALAI TAMAN SRI LAMBAK KLUANG, JOHOR	m/s 26
⇒ MESYUARAT KERJASAMA PINTAR DENGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR & SESI LAWATAN KE TAPAK PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGKALAI TAMAN SELAYANG MUTIARA SELAYANG, SELANGOR	m/s 27
⇒ ROADSHOW TAKLIMAT PEMAJU PERUMAHAN	m/s 29



WACANA KETUA PENGARAH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

👋 Salam sejahtera dan salam Malaysia baharu kepada para pembaca khususnya kepada warga JPN.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ribuan terima kasih kepada E-Crew serta Warga JPN atas sokongan dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan penerbitan buletin ini.

Tahun 2019 merupakan lembaran baharu bagi kita semua. Sepanjang tahun ini kita telah menyaksikan JPN sebagai jabatan utama yang menjadi pemangkin transformasi industri perumahan telah berjaya melakarkan sejarah dan kejayaan menerusi program dan aktiviti yang dianjurkan. Disamping itu, buletin ini juga turut memperlihatkan JPN aktif dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti berkaitan perumahan disamping melaksanakan tanggungjawab sebagai peneraju utama dalam memantau dan menambahbaik peyelarasan serta membangunkan industri perumahan di seluruh negara dengan cemerlangnya. Justeru bagi meneruskan kecemerlangan ini, kita warga JPN perlu terus kekal teguh serta menjalankan amanah yang telah kita pikul selaku penyambung legasi anak bangsa Malaysia dalam mentadbir urus negara ini dengan penuh berhemah dan berintegriti bagi kesejahteraan semua lapisan masyarakat dan kemakmuran negara yang kita kasihi ini.

Semoga jatidiri serta nilai amanah yang tinggi dalam kalangan warga JPN dapat memacu budaya kerja yang dinamik dan bersatu di samping terus melaksanakan tugas bagi membolehkan semua urusan kerja yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya dan memenuhi impian dan harapan rakyat. Sekian, terima kasih.

N.JAYASELAN
KETUA PENGARAH
JABATAN PERUMAHAN NEGARA

LAWATAN YBM KPKT KE TAPAK CADANGAN PPAM BATU MAUNG, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

Oleh:
Bahagian Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)



Bayan Lepas, 5 Januari 2019 - YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan ke tapak cadangan PPAM Batu Maung, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada rangka lawatan rasmi YBM ke Negeri Pulau Pinang.

Turut serta dalam lawatan tapak ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKT, YBhg. Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Ketua Pengarah JPN, YBr. Encik N. Jayaselan dan Pengarah Bahagian PPAM, YBr. Encik Ahmad Nizam bin Norali.



LAWATAN KSU KPKT KE PPAM PUNCAK GLOXINIA, KINARUT, SABAH

Oleh:
Bahagian Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)



Kinarut, 18 Januari 2019 - YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek, Ketua Setiausaha KPKT telah mengadakan lawatan ke PPAM Puncak Gloxinia, Kinarut, Sabah susulan daripada beberapa aduan yang telah diterima daripada penduduk. Lawatan tersebut turut disusuli dengan satu sesi dialog dengan pihak penduduk dan pihak pemaaju.

Turut serta dalam lawatan tapak ini ialah Timbalan KSU(Pengurusan) KPKT, YBr. Tuan Haji Zamri bin Salleh, Ketua Pengarah JPN, YBr. Encik N. Jayaselan dan Pengarah Bahagian PPAM, YBr. Encik Ahmad Nizam bin Norali.



LAWATAN KSU KPKT KE PPAM PUDINA, PUTRAJAYA

Oleh:
Bahagian Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)

Putrajaya, 10 April 2019 - YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, KSU KPKT telah membuat lawatan tapak dan turun padang ke PPAM Pudina, Presint 17, Putrajaya susulan aduan-aduan yang telah diterima oleh JPN.

Setibanya beliau di PPAM Pudina, beliau telah diberi penjelasan lanjut berkaitan status aduan-aduan oleh penduduk dan beliau kemudiannya di bawa melihat status terkini aduan-aduan tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT, YBrs. Tuan Haji Zamri bin Salleh dan Pengarah Bahagian PPAM, YBrs. Encik Ahmad Nizam bin Norali.



PATUHILAH SURAT AKU JANJI YANG TELAH DITANDATANGANI

[PERATURAN 3B, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI
AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]

ADALAH MENJADI KEWAJIPAN BAGI PENJAWAT
AWAM UNTUK MEMBERI DAN MEMATUHI AKU
JANJI. KEGAGALAN ANDA UNTUK BERBUAT
DEMIKIAN BOLEH DISIFATKAN SEBAGAI INGKAR
PERINTAH DAN IA MELANGGAR PERATURAN 4.2(i),
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 DAN BOLEH
DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB.



UNIT INTEGRITI
JABATAN PERUMAHAN NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN


SURAT AKU JANJI

Saya No. Kad Pengenalan beralamat di
.....
(alamat tempat bertugas)

dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi peruntukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-perintah Am, pekeling dan surat pekeliling serta apa-apa peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh perkhidmatan saya dengan Kerajaan. Maka dengan itu saya berjanji sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bahawa saya:

- (i) akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan;
- (ii) akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- (iii) tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;
- (iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam saya;
- (v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai pegawai awam;
- (vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai awam bagi faedah diri saya sendiri;
- (vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan dan mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- (viii) tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam; dan
- (ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 kerana telah melanggar Aku Janji ini,

(Tandatangan Pegawai)

MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA (MPMMN)


Oleh : Bahagian Dasar & Perancangan Strategik JPN



Putrajaya, 8 Januari 2019 - Mesyuarat MPMMN Bil 1 Tahun 2019 telah dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang turut dihadiri oleh ahli-ahli Majlis yang telah dilantik seperti YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri Persekutuan yang terlibat dalam pembangunan perumahan, YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri, Ketua-Ketua Jabatan dan ahli jemputan yang berkaitan dengan pembangunan perumahan negara.

MPMMN diadakan untuk tujuan seperti berikut:

- ⇒ meneliti, membincang dan mengesyorkan sebarang perkara yang berkaitan dengan sektor perumahan untuk diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri;
- ⇒ meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan serta badan-badan berkanun dan penggiat industri perumahan; dan
- ⇒ memantau dan menyelaras isu-isu berkenaan perumahan agar selaras dan dapat dilaksanakan mengikut dasar yang telah ditetapkan.



MAJLIS PELANCARAN DASAR PERUMAHAN NEGARA (DRN) 2018-2025

Oleh : Bahagian Dasar & Perancangan Strategik JPN



Bukit Kiara, 28 Januari 2019 - Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 – 2025 merupakan dasar utama yang akan dirujuk untuk memandu arah serta memacu sektor perumahan negara dengan menekankan perancangan, pembangunan dan pengurusan perumahan yang sistematik dan cekap bagi menjana habitat yang mampan, berdaya huni, berkualiti dan inklusif serta mampu dimiliki oleh rakyat. DRN 2018-2025 yang merangkumi 5 fokus, 16 strategi dan 57 pelan tindakan ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 9 November 2018.

Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT telah mengadakan Majlis Pelancaran Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 – 2025 yang disempurnakan oleh YB Pn. Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri KPKT di Sime Darby Convention Centre (SDCC). Hadir sama dalam majlis tersebut ialah YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Timbalan Menteri KPKT dan YBhg Dato' Sri Mohammad bin Mentek, KSU KPKT.



PELANCARAN DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA (DRMM) DAN STANDARD PERUMAHAN KEBANGSAAN (CIS 26)

Oleh : Bahagian Dasar & Perancangan Strategik JPN



Shah Alam, 11 Mei 2019 - YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) dan Standard Perumahan Kebangsaan (CIS 26) di Elmina Central Park, Shah Alam. Dalam majlis yang sama, turut diadakan Pelancaran Rumah Lestari D3 Sime Darby Property yang merupakan penganjur bersama program ini. Penyempurnaan pelancaran turut disaksikan oleh YAB Tuan Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor, YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir, Timbalan Menteri Kerja Raya dan Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Pengerusi Sime Darby Property

DRMM merupakan sub-dasar di bawah Dasar Perumahan Negara (2018-2025) yang menggariskan standard, spesifikasi utama dan harga jualan sebagai panduan bagi pembangunan rumah mampu milik yang berdaya huni dan selamat didiami. Dasar ini juga menakrifkan ciri-ciri utama perumahan mampu milik bagi kategori bertingkat dan bertanah seperti keluasan, piawaian rumah berkualiti, teknologi pembangunan dan kemudahan awam.



TEMUBUAL STAR PROPERTY BERSAMA KP JPN, 26 JULAI 2019



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI CUEPACS KE JABATAN PERUMAHAN NEGARA, 10 OKTOBER 2019




TEMUBUAL EKSKLUSIF SELAMAT PAGI MALAYSIA MENGENAI KEMPEN PEMILIKAN RUMAH (HOC 300) 2019, 1 OKTOBER 2019


BENGKEL PENGGUNAAN PORTAL *SHAREPOINT* & BENGKEL *TRAINING OF TRAINER (TOT)* PENGGUNAAN KALENDAR DALAM MyGOVUC

Oleh:
Bahagian Teknologi Maklumat

Putrajaya, 22-23 April 2018 – BTM JPN telah menganjurkan Bengkel Penggunaan Portal *SharePoint* kepada pegawai di JPN bagi menggunakan fungsi portal *SharePoint* untuk perkongsian dokumen di JPN.



Putrajaya, 16 Januari 2018 – BTM JPN telah menganjurkan *Training Of Trainer (TOT)* Penggunaan Kalendar Dalam MyGOVUC kepada pegawai di JPN bagi menggunakan fungsi kalendar yang telah tersedia di dalam MyGovUC untuk memudahkan pengurusan panggilan mesyuarat dan bengkel.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN RUMAH TRANSIT BELIA

Oleh : Bahagian Perancangan Perumahan



Bukit Kiara, 28 Januari 2019 - Program Rumah Transit Belia (RTB) adalah salah satu program yang disediakan oleh Kerajaan untuk memberi kemudahan penyewaan rumah secara sementara kepada pasangan muda yang baru berkahwin bagi mengurangkan beban pasangan muda yang berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan bandar.

Projek rintis RTB akan dibangunkan di Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di Gombak, Selangor.



Syarikat yang terlibat bagi projek rintis ini adalah TISY Sdn. Bhd. dan Pembinaan Kery Sdn. Bhd. yang akan membiayai kos pembinaan RTB.

Kerajaan melalui KPKT pula bertanggungjawab menyediakan tanah tanpa perlu menyediakan kos pembangunan melalui kaedah 'cross subsidy'.



LAWATAN PENILAIAN TAPAK CADANGAN PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Oleh : Bahagian Perancangan Perumahan

Seluruh Negara, Januari-April 2019 - Lawatan penilaian tapak adalah bertujuan untuk membuat penilaian ke atas tapak cadangan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk dibangunkan sebagai PPR. Lawatan ini kebiasaannya dibuat sebagai persediaan bagi permohonan bajet ke Kementerian Kewangan (MOF) untuk menilai tapak projek ini bersesuaian dan menepati objektif pembangunan PPR.

Antara skop penilaian termasuklah lokasi, luas, kemudahan utiliti/ infrastruktur, topografi, kesediaan tapak dan juga permintaan rumah daripada penduduk setempat. Laporan penilaian ini akan digunakan bagi menentukan skop dan anggaran peruntukan yang akan dipohon oleh JPN kelak.



MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) RANTAU, NEGERI SEMBILAN

Oleh : Bahagian Perancangan Perumahan



Rantau, 19 Mac 2019- Majlis Pelancaran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Rantau, Negeri Sembilan dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Haji Aminuddin Harun yang turut dihadiri oleh Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru Negeri Sembilan serta wakil kementerian, agensi, jabatan serta penduduk sekitar.

Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah program Kerajaan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan setinggan dan mereka yang berkemampuan bawah B40.

Pembangunan PPR Rantau ini adalah kerjasama erat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kerajaan Negeri Sembilan di mana, sebanyak 100 unit rumah telah dibina dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, pusat komuniti, tadika, gelanggang futsal, taman permainan dan gerai. Borang permohonan juga turut diedarkan secara percuma dalam majlis tersebut dan ianya juga boleh diperolehi di Unit Perumahan Pejabat SUK di Wisma Negeri





LAWATAN KERJA KSU KPKT KE PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KIANSOM, KOTA KINABALU, SABAH , 27 SEPTEMBER 2019.

LAWATAN KERJA YBM KPKT KE PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) JERLUN, KEDAH , 30 SEPTEMBER 2019.





**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PPR TAMAN PERLING JOHOR
9 OKTOBER 2019**



**MAJLIS PELANCARAN & PENYERAHAN SURAT TAWARAN PPR TOK SUBOH
SEBERANG PERAI TENGAH , PULAU PINANG, 16 OKTOBER 2019.**



**SESI PENYERAHAN SURAT TAWARAN PPR LEMBAH SUBANG 2
KEPADA SELEBRITI SHIMA, 30 OGOS 2019.**

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM TERHADAP PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM BERDASARKAN TATAKELAKUAN PEGAWAI AWAM

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 28 TAHUN 2009

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM	TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN
⇒ Melaksanakan tugas dengan cekap; ⇒ Jujur dan amanah; ⇒ Bertanggungjawab serta berintegriti; ⇒ Meletakkan kepentingan awam lebih utama daripada kepentingan sendiri; ⇒ Tidak menggunakan kedudukan awam bagi faedah sendiri; ⇒ Menjaga imej perkhidmatan awam; dan ⇒ Tidak cuai melaksanakan tugas.	⇒ Memastikan setiap pegawai di bawah seliaan masing-masing untuk memahami, menghayati dan mematuhi peringatan dan penjelasan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. ⇒ Bertanggungjawab menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai dan melaporkan sebarang pelanggaran, tatakelakuan, aku janji atau peraturan yang berkuat kuasa kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk diambil tindakan tatatertib.



UNIT INTEGRITI
JABATAN PERUMAHAN NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

MAJLIS PENYERAHAN PPR UDA UTAMA, JOHOR

Oleh:
Bahagian Pengurusan Perumahan

Johor Bahru, 15 Februari 2019 – Majlis Penyerahan Projek PPR Uda Utama telah diadakan di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan Kerajaan Negeri Johor yang disempurnakan bersama diantara YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar Johor, YB Tuan Sr Haji Dzulkefly bin Ahmad.

PPR Uda Utama merupakan 500 unit rumah pangsa yang dibangunkan di atas tanah seluas 20 ekar kediaman yang turut dilengkapi dengan kemudahan asas seperti dewan serbaguna, surau, taman permainan, kedai, gerai dan tempat letak kereta.

Majlis ini turut disertai dengan sesi penyerahan surat tawaran penyewaan PPR ini kepada 500 peserta yang layak.



MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN & PERASMIAN PEJABAT SEKRETARIAT MUAFAKAT KOMUNITI PPR KOTA BHARU.

Oleh:
Bahagian Pengurusan Perumahan

Kota Bharu, 20 April 2019 – Majlis Penyerahan Surat Tawaran & Perasmian Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti di PPR Kota Bharu, Kelantan telah disempurnakan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Majlis turut dihadiri oleh YB EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan & Kesihatan Negeri Kelantan YB. Dr. Haji Izani bin Husin dan Ybhg. Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, TKSU (Dasar), KPKT.

PPR ini merupakan 3 blok rumah pangsa berbilang tingkat yang mengandungi 1,000 unit kediaman dan pelbagai kemudahan awam yang dibangunkan di atas tanah seluas 5.59 ekar di kawasan bandar Kota Bharu. YB Menteri turut menyerahkan surat tawaran pemilikan PPR berkonsepkan RTO kepada 489 orang penerima yang layak. YB Menteri juga turut telah merasmikan Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (SMK) yang akan menempatkan pegawai-pegawai KPKT yang akan bertindak sebagai fasilitator yang bertujuan untuk membantu bagi pemerkasaan komuniti di PPR ini. Ini merupakan pejabat SMK yang ke-2 ditubuhkan selepas di PPR Lembah Subang 2.



HARI TERBUKA SKIM PERUMAHAN MAMPU MILIK SWASTA (MYHOME) 2019



SEMENYIH PARKLANDS, SELANGOR 27 JULAI 2019



TAMAN MUTIARA, SUNGAI PETANI , KEDAH
6 JULAI 2019



TAKLIMAT PROJEK MYHOME PNB VALUE HOMES , PORT DICKSON
13 JULAI 2019



**PAMERAN JPN SEMPENA HOC MAPEX 2019 DI MID VALLEY MEGAMALL
KUALA LUMPUR , 18 - 20 OKTOBER 2019.**



**PAMERAN JPN SEMPENA
SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA
DI PPR TEHEL, MELAKA
3 NOVEMBER 2019**

HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC) 2019

Oleh:
Encik Nurul Azuan bin Abdullah & Encik Mohd Nazri bin Md Zin

Kuala Lumpur, 1-3 Mac 2019 – Jabatan Perumahan Negara, KPKT telah melaksanakan program Home Ownership Campaign (HOC) secara kolaborasi strategik bersama Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) selaras dengan pengumuman Belanjawan 2019 dan Dasar Perumahan Negara yang telah dilancarkan pada 28 Januari yang lalu. Program ini berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dan telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 Mac 2019.

Penganjuran HOC juga melibatkan rakan strategik KPKT seperti PR1MA, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan UDA Holdings Berhad (UDA) serta 50 pemaju perumahan swasta dan 5 institusi perbankan.

HOC adalah salah satu komitmen kerajaan untuk memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki. Selain itu HOC juga merupakan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan kebolehcapaian (accessibility) pemilikan rumah dalam kalangan rakyat dan berperanan sebagai pusat sehenti (one stop centre) bagi agensi Kerajaan dan pemaju swasta memasarkan hartanah khususnya Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah satu bumbung. Program ini juga menjadi tempat rujukan kepada rakyat terutamanya kumpulan sasar untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat mengenai tawaran rumah yang berada di pasaran.



KEMPEN PEMILIKAN RUMAH MAMPU MILIK HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 300)

Oleh:
Encik Nurul Azuan bin Abdullah & Encik Mohd Nazri bin Md Zin

Kuala Lumpur, 4-6 Oktober 2019 – Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan program Home Ownership Campaign: Affordable Homes (HOC 300) yang dilaksanakan secara kolaborasi strategik bersama agensi-agensi perumahan di bawah KPKT.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha KPKT. Program ini telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula 4 hingga 6 Oktober 2019 di NU Sentral, Kuala Lumpur. Sebanyak 12,438 unit rumah ditawarkan dalam program ini yang bernilai RM2.9 bilion.

Turut hadir sama semasa majlis perasmian program ini iaitu Encik Zambri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan); Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); Datuk Azhar bin Ahmad Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) dan Encik N. Jayaselan, Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara.





**MAJLIS PRA PELANCARAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH (HOC 300)
24 SEPTEMBER 2019**



**TEMUBUAL RADIO NASIONAL FM SEMPENA KEMPEN PEMILIKAN RUMAH (HOC 300)
4 OKTOBER 2019**



**TEMUBUAL RADIO KOOL FM SEMPENA
HOC 300
2 OKTOBER 2019**

**TEMUBUAL RADIO JKT
SEMPENA HOC 300
16 SEPTEMBER 2019**

SESI PERJUMPAAN BERSAMA PARA PEMBELI PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGKALAI TAMAN SRI LAMBAK, KLUANG, JOHOR

Oleh:
Bahagian Pemulihan Projek Perumahan Swasta

Kluang , 18 April 2019 - Satu sesi perjumpaan bersama para pembeli projek perumahan swasta terbengkalai Taman Sri Lambak, Kluang, Johor telah diadakan pada 18 April 2019 bertempat di Dewan Balai Raya, Kluang, Johor yang turut melibatkan wakil Bahagian Perumahan, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Majlis Daerah Simpang Renggam dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

Sesi turun padang ini dilaksanakan sebagai salah satu wadah penerangan kepada para pembeli projek perumahan swasta terbengkalai berhubung status terkini pemulihan projek dan secara tidak langsung turut berupaya membantu menyelesaikan masalah para pembeli yang berkaitan. Malah, program libat urus para pembeli projek perumahan swasta terbengkalai sebegini berupaya meningkatkan keyakinan rakyat terhadap tadbir urus dan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.



MESYUARAT KERJASAMA PINTAR DENGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR & SESI LAWATAN KE TAPAK PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGKALAI TAMAN SELAYANG MUTIARA, SELAYANG, SELANGOR

Oleh:

Bahagian Pemulihan Projek Perumahan Swasta

Selangor , 30 April 2019 - Mesyuarat Kerjasama Pintar dengan Kerajaan Negeri merupakan salah satu sesi perkongsian maklumat dan platform perbincangan bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan pemajuan projek perumahan swasta di Semenanjung Malaysia dengan fokus terhadap pemulihan projek perumahan terbengkalai. Perancangan tahun 2019 telah mensasarkan sebanyak tiga (3) mesyuarat tersebut melibatkan tiga (3) buah negeri iaitu Selangor, Kelantan dan Perak.

Mesyuarat Kerjasama Pintar dengan Kerajaan Negeri Selangor telah diadakan pada 30 April 2019 bertempat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) yang dipengerusikan oleh YB Puan Haniza Talha, Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar Selangor. Seterusnya, satu sesi lawatan ke tapak projek Taman Selayang Mutiara (Kristal), Selayang, Selangor diadakan pada sebelah petang. Sesi tersebut adalah bagi bertemu dengan penduduk setinggan di tapak projek bagi mengenalpasti cadangan penempatan semula setinggan yang terbaik. Melalui peranan JPN sebagai pemudah cara dan mediator, projek tersebut akan dipulihkan menggunakan dana Kerajaan Persekutuan dan dijangka dapat dimulakan penghujung tahun 2019.



PAMERAN MYRUMAH NSTP DENGAN KERJASAMA JPN TAHUN 2019



MELAKA 19 - 21 JULAI 2019



IPOH , 14 - 17 NOVEMBER 2019



KUANTAN , 20 - 22 SEPTEMBER 2019

ROADSHOW TAKLIMAT PEMAJU PERUMAHAN

Oleh:
Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta

Putrajaya, 18 Mac 2019 - Selaras dengan fungsi Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta JPN yang memantau semua projek perumahan swasta yang berlesen sehingga disiapkan dan diserahkan kepada pembeli dalam tempoh perjanjian yang ditetapkan satu Roadshow Taklimat Pemaju Perumahan telah dilaksanakan bagi penyampaian taklimat kepada pemaju perumahan yang diadakan setiap tahun di seluruh Semenanjung Malaysia bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pemaju perumahan tentang kewajipan dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi berdasarkan Akta 118.

Roadshow bagi taklimat ini diadakan sebanyak empat kali setahun bagi setiap kawasan atau zon yang merangkumi bahagian tengah/central, bahagian utara, bahagian timur dan bahagian selatan. Roadshow yang telah dipersetujui oleh Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

- ⇒ Zon Tengah - Putrajaya
- ⇒ Zon Timur - Kuantan
- ⇒ Zon Selatan - Melaka
- ⇒ Zon Utara - Taiping



LAWATAN TAPAK/MESYUARAT PEMANTAUAN KE PROJEK PERUMAHAN SWASTA SELURUH NEGARA

Oleh:
Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta





SESI TAKLIMAT YBM KPKT KEPADA PEMAJU PERUMAHAN SWASTA MENGENAI KAEDAH PEMAJUAN PERUMAHAN BERKONSEPKAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) & DASAR RUMAH MAMPU MILIK (DRMM), 30 OGOS 2019



SESI TAKLIMAT MENGENAI KAEDAH ALTERNATIF PEMBIAYAAN PERUMAHAN MENERUSI DANA AMANAH 20 SEPTEMBER 2019



**MAJLIS PERASMIAN DAN PENYAMPAIAN FUNDMYHOME SKIM DEPOSITKU
24 JULAI 2019.**



**MAJLIS PERJUMPAAN KPD BERSAMA WARGA JPN
20 DISEMBER 2019.**



Terbitan

**UNIT KORPORAT
JABATAN PERUMAHAN NEGARA, KPKT
Aras 36, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100, Putrajaya.**

**Tel: +60380008000
Faks: +60388914490**